

## **MUKADIMAH**

1. Memohon kepadaMU ya Allah untuk menghimpunkan hati-hati warga UMS agar dapat bersama-sama dengan saya di Dewan Canselor ini, berpandukan ‘Satu Arah Satu Tujuan’. Demikian pernyataan saya yang jelas, yakni amanat ini bukannya simbolik doktrin unilateralisme tetapi sebagai wahana jiwa yang menetapkan perjalanan kehidupan bagi seluruh warga UMS untuk mencapai tujuan yang satu.

2. Bukannya mudah untuk menggalas amanah sebagai Naib Canselor. Hakikatnya, universiti yang kita sayangi ini tidak akan mampu bergerak dan mencapai visi dan misi dengan hanya saya seorang sahaja yang menggalasnya. Sudah pasti saya amat memerlukan anda semua untuk berkongsi bebanan yang saya galas ini bagi memudahkan perjalanan universiti ini. Hanya dengan keikhlasan anda semua kita dapat bersatu, menetapkan fikiran yang satu, bagi menyempurnakan matlamat universiti ini agar senantiasa melangkah dan melangkah maju ke hadapan.

Kita tidak mahu menoleh ke belakang kerana ada di antara kita yang lemah dan tersungkur di tengah-tengah perjalanan, maka kita harus bersatu dan menggembelng tenaga bersama-sama agar kita semua berjaya ke destinasi yang dituju tanpa ada seorang pun yang tertinggal di belakang. Bak kata pepatah, “Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”. Maka saya melihat bebanan tanggungjawab yang dipikul adalah sama, yang membezakan antara kita hanyalah jawatan. Tidak kira apa jawatan yang disandang sekalipun, peranan kita serta tanggungjawab yang diamanahkan perlulah dilaksanakan untuk memastikan Universiti ini terus bergerak dengan pantas, mencapai kecemerlangan dan menuju kegemilangan yang didambakan oleh kita semua.

3 Jatuh bangun Universiti ini sudah tentu bukannya terletak di bahu saya seorang sahaja, malah ia melibatkan seluruh warga UMS tidak kira pensyarah, penolong pendaftar, pembantu tadbir mahupun pelajar. Selagi kudrat berdaya, saya akan memastikan UMS sentiasa berada di landasan yang betul, menghindari kegagalan dan dijauhi musibah, hanya dengan kerjasama kalian semua yang berada di dewan ini.

Sebatang lidi ternyata rapuh, mudah dipatahkan dan dihancurkan. Namun, bila beberapa batang lidi disatukan menjadi seikat, ia akan menjadi kuat dan tidak mudah dipatahkan.

**Tuan-tuan dan puan-puan, rakan-rakan seperjuangan warga UMS, serta para pelajar yang dicintai sekalian**

## **PENCAPAIAN 2015**

4. Permulaan langkah 2016, membawa satu harapan yang besar agar pencapaian pada tahun ini lebih baik daripada tahun sebelumnya. Walaupun dengan keadaan ekonomi dunia yang semakin mencabar, yang membawa kepada pengurangan geran mengurus daripada kerajaan, kita tidak boleh beranggapan bahawa momentum pencapaian patut dikurangkan. Dalam hal ini, kita harus membuktikan dalam apa jua keadaan sekalipun, komitmen dan kesungguhan untuk meletakkan universiti ini ke tahap yang membanggakan seharusnya tersemat rapi dalam diri kita. Mana mungkin pemerksaan pencapaian dapat ditunaikan dengan omong-omong kosong, angan-angan mat jenin yang menunggu keajaiban berlaku di depan mata.

Saya percaya bahawa pencapaian yang sebenar diukur melalui usaha, kerja keras, pengorbanan dan penat lelah, meyakini apa yang dilakukan dengan ikhlas akan membuahkan hasil yang nikmatnya dapat dikongsi bersama keluarga dan masyarakat.

Justeru itu, saya mengambil peluang ini untuk berkongsi kisah-kisah kejayaan universiti ini bagi sepanjang tahun 2015 kepada anda semua. Kejayaan yang dicipta ini bukanlah kejayaan yang muncul dalam sekelip mata. Kejayaan ini berpaksikan kepada minda fikir warga UMS yang sentiasa positif, berupaya menyahut cabaran, menangani segala masalah, menyelesaikan sesuatu dengan bijak, sentiasa tekun dan rajin berusaha menyiapkan tugas yang diberi. Bak kata pepatah, “Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian”. Semoga hasil-hasil kejayaan kita pada tahun lalu dapat dijadikan sebagai pendorong untuk kita terus mencipta lebih banyak kejayaan pada tahun 2016 ini.

5. Mutakhir ini, tahap kualiti dan keunggulan sesebuah universiti dinilai dari segi kedudukan ranking dalam beberapa penilaian yang dilakukan oleh badan-badan professional antarabangsa yang diiktiraf seperti *QS University Ranking*, *Times Higher Education* dan *Academic Ranking of World Universities (ARWU)*. Pada ketika ini, universiti-universiti awam di Malaysia termasuk UMS adalah berpandukan penilaian *QS University Ranking* di mana metodologi yang diguna untuk menilai sesebuah universiti itu lebih berkesan seperti yang telah disarankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Pada tahun 2015, UMS melonjak di tangga 201-250 berbanding di tangga 301 pada tahun 2013 dalam *QS Asian University Ranking*. Begitu juga dengan skor UMS dalam *QS Asian University Ranking* menunjukkan trend yang meningkat sejak 2013. Pada tahun ini, kita semua hendaklah mensasarkan UMS di kedudukan 191-200.

Bagi penilaian dalam *QS World University Ranking- By Subject* pada tahun 2015, UMS mempunyai tiga subjek yang tersenarai pada kedudukan lima teratas di Malaysia bagi subjek *Agriculture and Forestry* di kedudukan ke-2, subjek *Economics and Econometrics* di kedudukan ke-5 dan subjek *Sociology* di kedudukan ke-5.

Sehubungan itu, UMS berada pada kedudukan ke-8 di kalangan Universiti Awam di Malaysia dari segi bilangan subjek yang tersenarai pada kedudukan lima teratas di Malaysia. Pada tahun ini, kita berasa amat bangga sebagai warga UMS kerana julung-julung kalinya, UMS memahat sejarah sebagai satu-satunya universiti di Borneo diiktiraf oleh *QS World University Rankings- By Subject* bagi subjek Pertanian dan Perhutanan yang berada di kedudukan *Top 200* di dalam dunia. Satu pencapaian yang terbaik sepanjang UMS ditubuhkan 21 tahun lalu yang meletakkan UMS di peta dunia. InsyaAllah, kita mesti pastikan pada tahun ini dengan kerja keras rakan-rakan seperjuangan sekalian lebih banyak lagi kejayaan di peringkat antarabangsa dapat kita kecap. Kita kena menetapkan sasaran jauh ke hadapan, agar kita tidak berada di kelompok sebagai jaguh kampung tetapi sebagai jaguh dunia yang hendak menandingi universiti-universiti terkemuka dunia.

Oleh hal yang demikian, masih banyak ruang yang boleh ditambah baik untuk meningkatkan kualiti subjek-subjek yang ditawarkan oleh UMS. Mengambil contoh, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) boleh mengambil langkah untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap subjek-subjek yang ditawarkan melalui *The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB)*, *European Foundation for Management Development (EFMD)*, atau *The Association of MBAs' (AMBA)*. Pengiktirafan ini bukan sahaja menjamin standard kualiti subjek-subjek yang ditawarkan malah dapat meningkatkan keterlihatan imej universiti di peta dunia. Dengan pengiktirafan sebegini, kita boleh menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian dalam subjek-subjek yang popular seperti ekonomi, kewangan, pengurusan dan perakaunan dengan mengenakan kadar kos yuran pengajian yang berpatutan. Ini juga salah satu cara bagaimana pengiktirafan ini dapat dijadikan sebagai kekuatan universiti (nic universiti) berbanding dengan subjek yang sama ditawarkan oleh Universiti Awam yang lain.

**Tuan-tuan, puan-puan sekalian dan seluruh warga UMS yang saya hormati**

## **KEJAYAAN ECOCAMPUS 2015**

6. Pada tahun lepas, UMS telah menyasarkan untuk berada dalam ‘ranking top 200’ peringkat dunia bagi penilaian *UI Greemetric World University Ranking* dan telah berjaya melepasi sasaran tersebut sekaligus melonjak 72 anak tangga untuk tersenarai pada kedudukan 173 bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014 di kedudukan 245. Bagi kedudukan ranking di rantau Asia, UMS di kedudukan ke-66; dan ke-7 bagi kedudukan dalam kalangan semua Institut Pengajian Tinggi di Malaysia, termasuk institusi awam dan swasta.

Peningkatan ranking yang mendadak tersebut adalah hasil persiapan dan persediaan semua pihak termasuk menerusi usaha pewujudan lapan (8) buah jawatankuasa di bawah seliaan Pusat Pengurusan EcoCampus merangkumi EkoPelancongan Kampus, Pengurusan Sisa, *GreenMetric* dan Laporan EcoCampus, Tenaga dan Air, Kepimpinan dan Kesedaran EcoCampus, Lanskap dan Penghijauan Kampus, Sistem Pengurusan Alam Sekitar serta Pengangkutan dan *Low Carbon*.



Pada tahun ini, kedudukan ranking akan ditingkatkan lagi dengan memfokuskan kriteria-kriteria yang telah dikenalpasti. Ini termasuklah pembangunan infrastruktur hijau, tenaga dan perubahan iklim, pengurusan bahan buangan, penggunaan air, pengurusan pengangkutan dan pendidikan.

Sejak pelancaran Pelan Tindakan EcoCampus pada tujuh (7) Februari 2013 yang lalu, salah satu hala tuju pelan tindakan tersebut adalah dengan mengurangkan *carbon footprint*. Selepas 3 tahun dilaksanakan, hasilnya UMS berjaya mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan. Dari segi penggunaan elektrik sepanjang bagi tempoh 3 tahun lepas didapati semakin menurun terutama dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan ini. Penggunaan tenaga elektrik di UMS pada tahun 2015 adalah sebanyak 34,978,990 kWh, iaitu pengurangan sebanyak 23% bersamaan dengan 91,010 kWh berbanding dengan penggunaan pada tahun 2014 sebanyak 35,070,000 kWh yang telah menjimatkan perbelanjaan elektrik sejumlah RM2,126,912. Pengurangan ini juga telah membantu mengurangkan *carbon footprint* sebanyak 4,413,574 kg carbon pada tahun 2015 berbanding 4,425,057 kg carbon pada tahun 2014 iaitu pengurangan sebanyak 11483 kg carbon.

Manakala, penggunaan air sepanjang 3 tahun lepas didapati semakin menurun. Pada tahun 2015 sahaja, penggunaan air adalah sebanyak 1,941,389 m<sup>3</sup>, iaitu penurunan sebanyak 15.5% bersamaan dengan 356,085 m<sup>3</sup> berbanding penggunaan pada tahun 2014 sebanyak 2,297,474 m<sup>3</sup>. Walaubagaimanapun, dengan kenaikan tarif air dari RM0.90 ke RM1.20 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2015, UMS terpaksa menampung lebihan perbelanjaan sebanyak RM261,940.60 bagi tahun 2015 disebabkan kenaikan tarif air tersebut.

7. Selaras dengan hasrat universiti untuk mencapai salah satu daripada elemen utama EcoCampus dalam melestarikan pengurusan kitar semula bahan buangan, UMS di bawah penyelarasan Pusat Pengurusan EcoCampus sedang dalam proses untuk membangunkan Pusat Kitar Semula Universiti Malaysia Sabah melalui projek pembiayaan CSR oleh Binapuri Sdn Bhd sebanyak RM 1,000,000.00. Projek ini dijangkakan akan beroperasi pada bulan Ogos 2016. Bertempat di Fakulti Kejuruteraan, komponen utama Pusat Kitar Semula adalah pengurusan buangan seperti kertas, botol plastik dan tin yang dihasilkan di UMS.

Bahan-bahan buangan ini seterusnya akan dijual dan akan menjadi salah satu sumber penjanaaan UMS pada masa akan datang.

Di dalam usaha menyokong kelestarian alam sekitar, Pusat Kitar Semula ini akan menitikberatkan implementasi penggunaan teknologi hijau seperti penggunaan sistem tenaga solar dan penuaian air hujan. Pusat ini juga akan menempatkan ruang seminar dan bengkel untuk tujuan aktiviti pengembangan kesedaran kelestarian alam sekitar kepada pelajar, kakitangan dan komuniti luar.

8. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, UMS telah melancarkan konsep EkoPelancongan pada 27 September 2014 yang lalu dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Panglima Hj. Ahmad Ayid, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna bagi mempromosikan konsep pelancongan berasaskan alam semula jadi.

Dalam hal ini, UMS melalui Pusat Pengurusan EcoCampus telah maju setapak ke hadapan apabila Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui *University Community Transformation Centre* (UCTC) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) pada 15 Ogos 2015 telah melancarkan ”*Malaysia 101 Edutourism Packages*” yang menerapkan konsep pelancongan dalam kampus dengan menawarkan pelbagai pakej pelancongan berasaskan ilmu. Maka dengan itu, UMS mengambil peranan yang proaktif untuk melancarkan EcoCampus *Visitor Information Centre* (EVIC) bersama-sama dengan pakej Eko Pelancongan UMS yang akan dijadualkan pada bulan April 2016. Serentak dengan pelancaran ini, UMS melalui Pengurusan EcoCampus akan melancarkan Tahun Melawat UMS 2016/2017, dan dengan ini, UMS akan menjadi universiti pertama melancarkan inisiatif seumpama ini di Malaysia dan juga di rantau ini.

Bertempat di Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), pusat EVIC ini akan menjadi ruang maklumat tarikan pelancong dan pakej-pakej pelancongan di UMS. Antara komponen penting pusat ini adalah pusat galeri dan penerangan pelancongan, pembelian tiket berpusat dan pakej pelancongan serta kedai cenderahati. Untuk menjadikan kawasan ini lebih menarik, selain dari landskap yang unik, eco-cafe juga akan disediakan bagi memberi kemudahan kepada pengunjung UMS. Pada masa akan datang, kawasan EVIC ini akan diluaskan lagi merangkumi kawasan tasik FSSA yang akan dimajukan sebagai kawasan "EcoCampus Park" yang pastinya akan turut menjadi tarikan utama pelancong.

Setakat ini, terdapat 5 pakej pelancongan yang ditawarkan merangkumi pakej harian dan pakej bermalam berasaskan *Green Tourism* dan *Nature Tourism* iaitu:

- Pakej Lawatan Galeri & Muzium (*Gallery & Museum Tour*),
- Pakej Penghayatan Alam Semulajadi (*Nature Delight Tour*),

- Pakej Warisan Arkitektual (*Architecture Heritage Tour*),
- Pakej Penghayatan Senja (*Sunset Tour*) dan
- Kem Pendidikan Alam Semulajadi (*Nature Education Camp*) dengan kadar bayaran yang berpatutan.

Selain mempromosikan pakej eko pelancongan kampus kepada para pengunjung, EVIC juga berperanan sebagai pusat penjualan tiket secara berpusat sekaligus memudahkan pembelian tiket ke lokasi yang ingin dilawati. Di samping itu, kemudahan *buggy car* yang menggunakan tenaga elektrik juga akan disediakan bagi pelancong yang ingin menikmati panorama pemandangan sekitar kampus dan sekaligus dapat membantu dalam pengurangan *carbon footprint*.

**Tuan-tuan dan puan-puan, rakan-rakan seperjuangan  
warga UMS, serta para pelajar yang dicintai sekalian**

**MEMACU PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

9. Pihak pengurusan universiti perlu berhati-hati dengan keadaan kekangan kewangan yang kita ada. Wang yang diperuntukkan untuk penyelidikan seharusnya mencapai output 'ringgit to ringgit'. Jika kita membelanjakan wang sebanyak RM10000, impak dan output penyelidikan tersebut semestinya bersamaan dengan jumlah wang yang dibelanjakan. Kita tidak mahu menghasilkan penyelidikan-penyelidikan yang berkualiti rendah, tidak mencapai standard tahap antarabangsa dan seterusnya tidak bermanfaat kepada masyarakat. Saya percaya dan penuh yakin, penyelidikan yang berkualiti tinggi dapat menjadi aset yang penting kepada universiti. Dengan itu, ianya turut dapat menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi yang membolehkan artikel-artikel ini tersenarai di dalam jurnal-jurnal yang berindeks seperti *SCOPUS*, *Web of Science* dan *ISI-Thomson Reuters*. Oleh itu, manfaat dari hasil penyelidikan yang berkualiti tinggi ini bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian UMS dalam *Malaysia Research Assessment (MyRA)* malah dalam *QS University ranking*.

10. Ternyata pada tahun 2015, jumlah geran yang diterima oleh UMS adalah sebanyak RM7.1 juta bagi membiayai 69 projek penyelidikan baru. Geran ini diperolehi daripada agensi kerajaan (RM4.7 juta), pihak swasta (RM720,000) dan institusi antarabangsa (RM1.7 juta). Penurunan jumlah geran ini berbanding tahun 2014 sebanyak lebih kurang RM12 juta adalah disebabkan bilangan permohonan yang diluluskan adalah sedikit walaupun kita berusaha menghantar banyak permohonan kepada agensi kerajaan yang berkaitan. Begitu juga ada beberapa geran yang tidak ditawarkan pada tahun lalu yang menyumbang kepada penurunan jumlah geran yang diterima. Dari segi perlindungan harta intelek, dua (2) produk penyelidikan telah berjaya dipatenkan sementara empat (4) produk telah difailkan. Pada masa yang sama, 18 produk telah didaftarkan sama ada sebagai cap dagangan atau hak cipta. Pada tahun itu juga, UMS berjaya memenangi sebanyak 12 pingat emas di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi projek penyelidikan dan inovasi. Membanggakan apabila UMS buat pertama kalinya membawa pulang 2 Anugerah Khas Platinum, 4 Emas, 2 Perak dan 1 Gangsa dalam pertandingan inovasi di *British Invention Show* (BIS).



Ini menunjukkan bahawa kemampuan penyelidik-penyelidik kita untuk menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tinggi dan diiktiraf oleh penilai-penilai antarabangsa.

Bagi merencanakan lagi aktiviti penyelidikan di kalangan pelajar pascasiswazah, UMS telah mewujudkan Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah atau dikenali sebagai UMSGreat. Geran ini diwujudkan bertujuan menyuburkan budaya penyelidikan di kalangan pelajar pascasiswazah dan untuk menggalakkan pelajar pasca menyiapkan projek penyelidikan mengikut masa yang ditetapkan. Justeru, dengan adanya geran ini, dapat menarik minat lebih ramai orang untuk melanjutkan pengajian peringkat pasca di UMS. Begitu juga halnya dalam kita meningkatkan kolaborasi penyelidikan dengan pihak luar, UMS telah mewujudkan Geran Kolaborasi Penyelidikan dengan Institusi Luar. Sebagai permulaan, siling peruntukan bagi setiap satu kolaborasi adalah RM200,000 dengan institusi luar negara, manakala RM70,000 dengan institusi dalam negara. Geran khas ini diharap dapat meningkatkan jumlah dan kualiti penyelidikan selain meningkatkan peluang menghasilkan penerbitan berimpak tinggi dan keterlihatan UMS di peringkat antarabangsa.

11. Salah satu tugas hakiki pensyarah dan syarat untuk kenaikan pangkat adalah penerbitan. Mengikut rekod, UMS telah berjaya menerbitkan sebanyak 282 artikel dalam jurnal dan prosiding yang tersenarai dalam *SCOPUS* pada tahun 2015. Pada tahun ini, sasaran bilangan penerbitan kakitangan akademik UMS ialah sekurang-kurangnya 420 artikel *SCOPUS* untuk mencapai *Key Performance Indicators* (KPI) UMS seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Dari segi impak pula, penerbitan UMS bagi tempoh 5 tahun terakhir mengekalkan bilangan sitasi sekitar 11,400.

Selain itu, UMS menerbitkan sekitar dua belas (12) jurnal ilmiah yang merangkumi pelbagai bidang. Ketika ini Jurnal yang paling menyerlah di peringkat antarabangsa dan merupakan antara jurnal terbaik (top five) di Malaysia ialah Jurnal Asian Myrmecology yang diterajui oleh Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan. Jurnal ini mempunyai impak faktor 0.625. Diharapkan beberapa lagi jurnal UMS mencapai tahap antarabangsa, termasuk terindeks dalam *Web of Science* dan *SCOPUS* dalam tempoh terdekat.

Penerbit UMS sekali lagi menjulang nama UMS dalam bidang penerbitan dan penulisan melalui 3 anugerah yang dirangkul sempena Majlis Anugerah Buku Negara 2015. Penerbit UMS telah dipilih menerima salah satu daripada anugerah utama iaitu Anugerah Perdana Penerbit Terbaik (Agensi Kerajaan). Manakala dua anugerah lagi yang dimenangi adalah kategori Buku Umum Terbaik (Kategori Peradaban) melalui buku berjudul "*Sejarah Amalan Pengurusan Kewangan dan Perkembangan Praktik Perakaunan di Borneo Utara 1881-1963*" dan Buku Umum Terbaik (Kategori Khazanah Warisan) yang berjudul "*Kimanis: Negeri Tua, Tanah Keramat*". Sememangnya ini adalah pencapaian terbaik UMS dalam menghasilkan bahan-bahan penulisan yang berkualiti tinggi untuk rujukan dan bacaan masyarakat.

12. *Malaysia Research Assessment* (MyRA) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bagi mengukur kedudukan institusi pengajian tinggi dalam penyelidikan melalui penarafan bintang. Penilaian MyRA adalah berdasarkan kepada tiga aspek utama iaitu input, proses dan output yang merangkumi lapan kriteria utama. UMS berjaya mengekalkan *rating* tiga (3) bintang untuk pencapaian dalam MyRA bagi tahun 2015.

Empat (4) kriteria dimana UMS perlu memperbaiki markah skor untuk meningkatkan *rating* MyRA bagi tahun 2017 iaitu Kuantiti dan Kualiti Penyelidik, Kuantiti dan Kualiti Penyelidikan, Perkhidmatan Profesional dan Hadiah serta Rangkaian dan Jalinan. Kita mensasarkan pada tahun 2017 UMS diberikan penarafan 4 bintang bagi MyRA. Sehubungan itu, langkah-langkah drastik yang perlu diambil dan diberi penumpuan oleh pihak pengurusan dan kakitangan akademik iaitu;

- Mensasarkan sekurang-kurangnya 50% (500) staf akademik menjadi ketua penyelidik. Pada tahun 2015 hanya 389 staf akademik menjadi ketua penyelidik.
- Mensasarkan setiap staf akademik menerbitkan sekurang-kurangnya 1 artikel dalam jurnal yang tersenarai dalam SCOPUS/WOS/ERA dan 2 penulisan lain.
- Menggalakkan penulisan buku berbentuk ilmiah bersandarkan penyelidikan yang dijalankan..

- Mensasarkan perbelanjaan geran penyelidikan mencapai 70% penggunaan dalam setahun.
- Meningkatkan bilangan pelajar PhD yang mendaftar dan bergraduat, khususnya dari luar negara.
- Mensasarkan sekurang-kurangnya 2 produk yang dikomersialkan.
- Meningkatkan pendapatan melalui perundingan, persidangan, latihan dan perkhidmatan makmal.
- Mensasarkan 5 MoA antarabangsa dan 20 MoA kebangsaan ditandatangani setahun.
- Menggalakkan semua staf akademik mendapat keahlian professional dalam bidang masing-masing.
- Mensasarkan sekurang-kurangnya 1 makmal yang diakreditasi.

13. Di sebalik penghasilan penyelidikan yang berkualiti tinggi kita memerlukan makmal yang dilengkapi dengan instrumen-instrumen yang canggih dan moden. Oleh itu, sebuah makmal UMS telah berjaya mendapat akreditasi MS ISO 15189 Ujian Perubatan:Hematologi iaitu Makmal Haemostasis di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Makmal ini membolehkan UMS menjadi pusat rujukan dan latihan khususnya yang berkaitan diagnosis penyakit pendarahan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Diharapkan, makmal ini juga dapat menyumbang kepada penjanaan pendapatan melalui perkhidmatan bertauliah kepada sektor swasta termasuk hospital dan klinik. Sehubungan itu, keupayaan penyelidikan kita dapat ditingkatkan melalui pembinaan bangunan Makmal Bersepadu UMS yang telah bermula dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017. Pada masa yang sama, Seksyen Instrumentasi, Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) telah dinaiktaraf kepada Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains (PIPS) dan pemusatan kakitangan perkhidmatan sains.

Pusat baru ini akan memantapkan lagi aktiviti penyelidikan khususnya yang memerlukan fasiliti dan perkhidmatan makmal selain memantapkan tadbir urus kakitangan perkhidmatan sains di UMS.

**Tuan-tuan, puan-puan sidang dewan yang dimulikan**

## **PENJENAMAAN SEMULA PUSAT HUBUNGAN INDUSTRI**

14. Universiti dan industri saling berhubung kait memandangkan pasaran kerja bagi graduan-graduan universiti ditentukan oleh pihak industri. Tidak semua graduan yang dihasilkan akan bekerja di sektor kerajaan, hanya segelintir sahaja yang dapat memasuki di sektor itu. Selebihnya atau majoritinya akan bekerja di sektor swasta yang mana sektor ini menyumbangkan kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi Negara kita. Oleh yang demikian, Pusat Hubungan Industri (PHI) mempunyai tanggungjawab yang sangat besar bukan sahaja membuka atau mencari peluang untuk graduan-graduan kita bekerja di industri perladangan, minyak dan gas, pertanian, automotif, perbankan dan pelbagai lagi,

tetapi mengurangkan jurang sempadan ilmu melalui program pemindahan ilmu dengan komuniti setempat. Peranan yang dimainkan oleh PHI juga semakin besar apabila seksyen endowmen telah diserap ke pusat tersebut.

15. Melayari tahun 2015, banyak kejayaan yang telah ditempa oleh PHI di antaranya ialah UMS telah mencapai KPI 100 peratus pelajar mendapat tempat untuk latihan industri, dianugerahkan Pusat Pembangunan Kerjaya Terbaik (Universiti Awam) oleh pihak GTI Media dengan kerjasama TalentCorp, dianugerahkan *Industry Centre of Excellence* (ICoE) Kluster Pertanian dan memperolehi sebanyak 16 geran *Knowledge Transfer Program* yang berjumlah RM2.6 juta. Pihak UMS juga menyambut baik Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – (Pendidikan Tinggi) melalui langkah Fasa 1 iaitu membina momentum dan meletakkan asas Program CEO@Faculty yang membawa pemimpin industri, pengarah urusan syarikat atau kepimpinan kanan sektor awam untuk terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran di Universiti Awam. Oleh itu, dua (2) ikon industri iaitu Tan Sri Azman Hashim dan Professor Adjung Mark Chang telah menyampaikan syarahan mereka.



Sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk mengurangkan kebergantungan universiti kepada geran daripada kerajaan untuk perbelanjaan mengurus universiti, sumbangan dana dan endowmen sedikit sebanyak dapat menampung sumber kewangan universiti. Setakat ini, terdapat dua tabung amanah endowmen yang diuruskan iaitu Tabung Sumbangan Dana Warga UMS dan Basiswa Tun Said Keruak. Pihak industri seperti Bina Puri Holdings Bhd telah menyumbangkan dana sebanyak RM1 juta kepada Pusat EcoCampus dan kita sungguh bertuah melalui Yayasan Azman Hashim bersetuju untuk membina Azman Hashim UMS Galeri yang bernilai RM15 juta. Begitu juga dengan Felda Global Ventures (FGV) yang telah bersetuju untuk memberikan endowmen bagi kursi profesor di bawah Unit Minyak Kelapa Sawit Lestari (SPOR) sebanyak RM2 juta. Sumbangan berbentuk biasiswa yang bernilai RM1.6 juta akan diberikan kepada pelajar UMS dalam bidang kejuruteraan awam dan perakaunan menerusi Syarikat Pembinaan YTL. Jumlah keseluruhan dana dan endowmen yang dikumpul bagi tahun 2015 berjumlah hampir RM20 juta dan ini merupakan satu pencapaian yang baik buat UMS.

16. Kejayaan UMS dianugerahkan ICoE Kluster Pertanian merupakan satu pengiktirafan kebangsaan kepada UMS. Sebagai Universiti Peneraju, ianya disokong oleh tujuh (7) institusi penyokong bagi Kluster Pertanian iaitu UPM, UTM, UiTM, UNISZA, UNIMAS, Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Manakala Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merupakan agensi penyokong berserta beberapa agensi pertanian peringkat negeri dan kebangsaan. Tujuan ICoE Kluster Pertanian ini ditubuhkan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan dan perkongsian teknologi antara institusi pengajian tinggi dengan pihak industri dalam sub-sektor pertanian. Objektif utama program ICoE ialah perlaksanaan latihan teknikal kepada mahasiswa mengikut keperluan industri serta perkongsian hasil penyelidikan berimpak tinggi kepada industri demi pembangunan mampan industri pertanian Negara. Ia juga berperanan melahirkan usahawan tani yang profesional, inovatif dan berdaya saing.

Enam program utama yang ditawarkan ialah :-

- i. *Structured Internship Program (SIP)*
- ii. *Graduate Employability (GE) Program*
- iii. *Industrial Training ICoE*
- iv. *Training of Trainers (TOT)*
- v. *Technology Sharing Program*
- vi. *Agro Mentor*

ICoE ini selain menyediakan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran, ia juga melahirkan graduan yang mencipta peluang pekerjaan (*Job Creator*) iaitu sebagai Usahawan Profesional Pertanian.

17. PHI dalam usahanya untuk meningkatkan hubungan dengan komuniti, berhasrat mewujudkan fungsi Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau *University Transformation Centre (UCTC)* di bawah Pusat Hubungan Industri.

UCTC akan memainkan peranan sebagai ‘*one-stop community outreach centre*’ yang menyediakan maklumat kepada komuniti dan pelawat pelbagai peringkat umur untuk menyertai program dan menggunakan fasiliti serta kemudahan bagi meningkatkan kualiti hidup. Ini adalah selaras dengan beberapa lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 PPPM (PT) telah dilancarkan pada 7 April 2015. Justeru itu, sukacitanya saya mengumumkan selaras dengan penambahan fungsi dan pewujudan seksyen UCTC, maka Mesyuarat Lembaga Pengarah UMS Kali Ke-70 (Bil.1/2016) telah meluluskan penjenamaan semula Pusat Hubungan Industri kepada Pusat Jaringan Industri dan Komuniti atau *Centre for Industry and Community Network* (CICN) berkuatkuasa pada 19 Januari 2016 yang lalu.

**Tuan-tuan dan puan-puan, rakan-rakan seperjuangan warga UMS, serta para pelajar yang dicintai sekalian.**

**PERBELANJAAN BERHEMAH**

18. Senario ekonomi dunia yang tidak menentu, ditambah dengan kejatuhan harga minyak serendah paras USD30 setong, memberi kesan terhadap pendapatan kerajaan. Secara tidak langsung, turut menjejaskan bajet kewangan UMS yang mana hampir 90 peratus bergantung terhadap geran mengurus kerajaan. Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan peruntukan bagi tahun 2016 sebanyak RM351 juta termasuk menggunakan sumber dalaman UMS sebanyak RM35 juta. Geran mengurus yang diberikan oleh kerajaan adalah berjumlah RM316 juta yang mana peruntukan ini telah dikurangkan sekitar 17 peratus atau lebih kurang RM64 juta berbanding tahun 2015. Walaupun pengurangan ini memberi kesan terhadap perancangan kewangan UMS, universiti masih perlu menetapkan kuasa belanja sejumlah RM415 juta bagi tahun 2016 untuk menyokong pertumbuhan universiti khususnya aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Dengan mengambil kira semua kos termasuk pembayaran imbuhan khas kewangan serta kenaikan gaji tahunan kakitangan, pihak universiti menganggarkan sejumlah RM99 juta (termasuk cadangan yang dipersetujui RM35 juta) yang perlu ditampung menggunakan sumber dalaman UMS.

Oleh itu, perbelanjaan universiti akan disusun semula mengikut keutamaan dari masa ke semasa.

19. Ekoran daripada jumlah wang yang besar diperlukan bagi memastikan kelancaran pengurusan universiti dengan menggunakan sumber dalaman, rizab ini akan semakin berkurangan sekiranya tidak ada kawalan perbelanjaan yang ketat dalam situasi keadaan ekonomi yang mencabar. Justeru itu, mengambil langkah yang wajar adalah perlu bagi semua pihak terutamanya dekan, pengarah, ketua jabatan, serta kakitangan universiti hendaklah berusaha untuk meningkatkan aktiviti penjanaan pendapatan dan membudayakan penjimatan dan perbelanjaan berhemah untuk menampung defisit perbelanjaan melalui strategi-strategi yang akan/perlu dilaksanakan pada tahun 2016 seperti berikut:

- (a). Meningkatkan aktiviti penjanaan pendapatan sumber dalaman yang mana KPI ditetapkan pada sekurang-kurangnya 15% daripada peruntukan mengurus melalui mengurangkan kebergantungan kepada geran kerajaan, menerokai sumber pendapatan alternatif, mendapatkan autonomi pengurusan kewangan, dan memperkasakan anak-anak syarikat UMS.

(b). Meningkatkan kecekapan menggunakan sumber sedia ada dan program penjimatan selari dengan pencapaian prestasi penggunaan sumber sedia ada secara maksima tanpa pembaziran melalui mengoptimumkan penggunaan aset, memaksimumkan pulangan atas sumber sedia ada dan mengkaji semula kontrak terikat universiti untuk tujuan ‘*value for money*’.

20. Sejak awal lagi, pihak KPT telah mengambil langkah untuk mengurangkan kebergantungan Universiti Awam kepada pembiayaan daripada kerajaan dan meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan. UMS bermula pada tahun 2015 telah melaksanakan pelbagai aktiviti penjimatan dan berjaya dalam mengurangkan perbelanjaan dalam VOT 21000 (Perjalanan dan Sara Hidup) sejumlah RM675,000, VOT 23000 (Perhubungan dan Utiliti) sejumlah RM2.7 juta dan VOT 24000 (Sewaan) sejumlah RM RM2 juta berbanding pada tahun 2014.

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi penjimatan ini adalah menerusi penggunaan kad kredit korporat dalam pembelian tiket kapal terbang dan penginapan termurah, pelaksanaan video konferens bagi mesyuarat dan taklimat yang melibatkan dua destinasi yang jauh, penggunaan kelas malam secara berpusat bagi mengurangkan penggunaan *chiller*, kempen penjimatan elektrik pada waktu rehat iaitu dari pukul satu (1) petang hingga dua (2) petang, kawalan dalam perbelanjaan sewaan kenderaan dan mesin fotostat dan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada.

21. Selain daripada peruntukan terhad mengurus yang diberikan oleh kerajaan, universiti juga boleh membuat penjanaan dalaman melalui caj – caj yuran pelajar, simpanan tetap, sewaan ruang dan kemudahan dalam universiti, tabung endowmen serta pendapatan – pendapatan lain daripada aktiviti penganjuran bengkel dan persidangan, projek usahasama dan lain-lain aktiviti di peringkat fakulti. Atas perkara ini, UMS telah menghasilkan Dasar Penjanaan Pendapatan sebagai panduan dalam menguruskan penjanaan universiti pada tahun 2013. PTJ Universiti misalnya sehingga tahun 2015 telah menjana hampir RM2.6 Juta.



22. Pada awal tahun, pihak KPT telah memperkenalkan Formula Pendanaan Baharu. Formula baru ini memberikan peruntukan berprinsipkan Pendanaan Berasaskan Input (*Input Based Funding*). Daripada jumlah dana berasaskan input ini, sebanyak 5% daripadanya akan disimpan sementara oleh KPT di bawah konsep Pendanaan Berasaskan Prestasi (*Performance Based Funding*). Dalam konteks ini, dana UMS berasaskan prestasi berjumlah 5% atau sekitar RM15 juta hanya akan disalurkan semula kepada UMS sekiranya mencapai sasaran berikut:

- i. 3% KPI yang ditetapkan bersama
- ii. 1.5% Insentif Inisiatif Khas yang berkaitan dan sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi); dan
- iii. 0.5% Insentif Inovasi

23. Bagi memantapkan urus tadbir kewangan UMS, Jabatan Audit Negara Malaysia akan membuat auditan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan bermula pada bulan Jun tahun 2016.

Auditan ini adalah tertumpu kepada penilaian pematuhan Indeks Akauntabiliti ke atas Universiti Awam terutamanya berkaitan pematuhan prosedur pengurusan kewangan yang berkuatkuasa. UMS telah dipilih sebagai universiti angkat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi yang diyakini boleh mendapat penarafan daripada empat (4) ke lima (5) bintang. Semua pihak perlu sama-sama berusaha untuk memastikan perkara ini berjaya dicapai.

**Tuan-tuan, puan-puan sekalian dan seluruh warga UMS yang saya hormati**

## **PENGANTARABANGSAAN UMS**

24. Kesenambungan daripada perasmian pembukaan Pejabat Satelit UMS di Heilongjiang Academy of Sciences Harbin (HAS), China yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, beberapa jalinan kerjasama telah dimeterai antaranya mobiliti kakitangan dan penyelia bersama pelajar pascasiswazah yang akan melibatkan kedua-dua institusi.

Tujuan utama penubuhan pejabat satelit ini adalah untuk menjadi '*One stop centre*' bagi kerjasama akademik dan bukan akademik, menghantar pelajar untuk memberikan pengalaman berbeza belajar di institusi lain, bertindak sebagai tempat untuk pertukaran pelajar atau kakitangan dalam pelbagai bidang, dan mewujudkan peluang kerjasama akademik antara kedua-dua institusi. Selain itu, kolaborasi berhubung akreditasi halal bagi kemudahan untuk menghasilkan produk *Black Garlic* dan *Black Fungus*. Baru-baru ini, satu lawatan yang disertai oleh rombongan UMS dan 2 orang pegawai JAKIM telah melakukan audit bagi pensijilan halal kedua-dua produk tersebut. Usaha UMS yang merentasi laut China Selatan ini mampu untuk memberikan pulangan penjana pendapatan yang lumayan disebabkan saiz pasaran China yang besar untuk akreditasi sijil halal. Semoga usaha ini memperoleh hasil dan menaikkan imej UMS di persada antarabangsa.

25. *ASEAN International Mobility for Students (AIMS)* bermula sebagai projek rintis di bawah kolaborasi di antara Pejabat Suruhanjaya Pendidikan Tinggi dan negara-negara ahli *Southeast Asian Ministers of Education Organisation Regional Centre for Higher Education and Development (SEAMEO RIHED)* . UMS telah ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menyertai program ini dan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) telah dipilih sebagai pusat koordinasi bagi menyelaraskan program ini di UMS. 20 orang pelajar terpilih dalam pelbagai kursus di FSSA telah menjalani AIMS program di Indonesia pada tahun ini dengan diberikan peruntukan sejumlah RM150,000 kepada UMS melalui Kementerian Pendidikan Tinggi.

26. Sejalan dengan KPI yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, salah satu KPI yang perlu dicapai oleh UMS adalah jumlah pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian prasiswazah dan pascasiswazah. Pada tahun ini, sasaran yang ditetapkan oleh pihak kementerian kepada UMS adalah seramai 650 orang pelajar antarabangsa (prasiswazah dan pascasiswazah) serta 120 orang pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian pascasiswazah.

Suka saya umumkan bahawa kita telah mencapai sasaran KPI yang ditetapkan dengan jumlah pelajar antarabangsa seramai 682 orang. Penambahan seramai 20 orang pelajar antabangsa dari Timor Leste yang akan mendaftar pada Mac ini memungkinkan kita untuk mencapai sasaran KPI yang ditetapkan. Bekas Perdana Menteri Timor Leste, Kay Rala Xanana Gusmao telah dilantik sebagai penaung Alumni UMS bagi Chapter Asia Pacific.

**Tuan-tuan, puan-puan sidang dewan yang dimulikan**

## **HALA TUJU YANG JELAS**

27. Umum mengetahui bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 merupakan tunjang kepada transformasi pendidikan tinggi di negara ini. Intipati pelan ini dikukuhkan dengan perancangan yang rapi yang dikenali sebagai lonjakan. Terdapat 10 lonjakan yang akan memacu pembangunan pendidikan tinggi secara holistik bagi tempoh 10 tahun akan datang. 10 lonjakan yang saya maksudkan adalah;

- i. Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang
- ii. Kecemerlangan Bakat
- iii. Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
- iv. Graduan TVET Berkualiti
- v. Kemampuan Kewangan
- vi. Pemantapan Tadbir Urus
- vii. Ekosistem Inovasi
- viii. Keunggulan Global
- ix. Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global
- x. Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

Lonjakan-lonjakan ini telahpun diselaraskan mengikut 7 *Key Result Areas* (KRAs) yang terdapat dalam Pelan Strategik UMS 2013-2017. Walaubagaimanapun, baru-baru ini pihak Kementerian Pendidikan Tinggi telah memperkenalkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang akan mempengaruhi peruntukan kewangan universiti berasaskan “*Performance-based funding*” seperti yang telah saya nyatakan di awal ucapan saya. Prestasi universiti akan dinilai berdasarkan pencapaian bagi KPI yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, saya ingin mengumumkan bahawa satu unit khas yang dikenali sebagai Unit Pengurusan Transformasi dan Prestasi (UPTP) akan ditubuhkan dalam memantau pelaksanaan pelan lonjakan dan KPI ini. Unit ini yang diletakkan di bawah Jabatan Canselori akan berfungsi sebagai penyelarass induk yang menerima, mengumpul dan menyediakan ringkasan kemajuan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat PBPU dan LPU. Tujuan saya menyelaraskan lonjakan dan KPI dalam satu unit khas adalah untuk memudahkan dari segi pemantauan memandangkan senarai KPI yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi berhubung kait dengan beberapa lonjakan yang terdapat di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Oleh yang demikian, kerjasama daripada anda semua amat diperlukan untuk menjayakan pelan lonjakan dan KPI ini.

28. Sumber manusia merupakan aset yang paling utama bagi sesebuah organisasi. Tidak kira seteliti manapun pelan perancangan ataupun KPI yang ditetapkan, tanpa sumber manusia yang berkualiti, barangkali pelan atau KPI tersebut hanya cantik di atas kertas.

Hal yang demikian, tuntutan amanah dan tanggungjawab untuk melaksanakan segala perancangan melalui tindakan amatlah dititikberatkan. Saya percaya anda semua adalah orang-orang yang terpilih untuk berada di UMS. Tidak kira anda sebagai seorang pelajar, pensyarah, kontraktor mahupun tukang sapu, matlamatnya amatlah jelas untuk membawa universiti ini tersohor setanding dengan universiti terkemuka di luar negara.

Salah satu langkah yang diambil untuk memantapkan kemahiran seseorang kakitangan adalah melalui latihan yang berterusan. Bahagian Sumber Manusia telah berjaya menganjurkan kursus berimpak tinggi dengan kerjasama AKEPT dan pengendalian program kenegaraan dan kepimpinan bersama BTN. Menurut statistik, pada tahun 2015, latihan (Akademik dan Bukan Akademik) telah berjaya dilaksanakan melalui 213 kursus dengan kos purata bagi setiap kursus berjumlah RM3070 berbanding pada tahun 2012 yang memakan kos purata bagi setiap kursus berjumlah RM7704 dengan 117 kursus yang terlaksana.



Satu penjimatan yang amat ketara dari segi kos perbelanjaan kursus walaupun jumlah kursus yang dilaksanakan saban tahun semakin meningkat dari segi kuantiti. Sistem pengurusan latihan telah ditambahbaik dengan menggantikan *My Continuing Professional Development* (MyCPD) dengan *Individual Development Plan* (IDP) yang menfokuskan kepada aspek kompetensi dan keperluan individu mengikut deskripsi tugas masing-masing. Sistem pemarkahan IDP terbahagi kepada tiga (3) iaitu teras (50%), elektif (30%), dan umum (20%) yang menyumbang kepada markah LNPT sebanyak 15%.

29. Bagi menyuburkan budaya inovasi di kalangan kakitangan UMS, satu Jawatankuasa Pemandu Kualiti dan Inovasi Pentadbiran (JKIP) telah diwujudkan di bawah Jabatan Pendaftar. Jawatankuasa ini berperanan menyelaras pengurusan aktiviti inovasi dan kualiti pentadbiran mengikut enam (6) cluster yang terdiri daripada *Lean Management*, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), 5S/EKSA, MS-ISO, Fail Meja (FM), dan Inspektorat Kualiti. Inovasi itu wujud melalui penambahbaikan yang berterusan.

Maka dengan itu, saya tertarik dengan konsep budaya kerja yang diamalkan oleh orang Jepun yang dipanggil sebagai *Kaizen* yang bermaksud penambahbaikan berterusan. Perkara ini bukanlah sesuatu yang asing bagi kita kerana setiap hujung tahun, setiap JFPIU akan mengadakan *retreat* untuk melihat sejauh mana pencapaian JFPIU masing-masing melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun. Antara perkara yang akan dibentangkan pada *retreat* tersebut adalah cadangan penambahbaikan.

Model *Kaizen* ini diperkenalkan oleh Masaki Imai pada tahun 1986 melalui bukunya *The Key to Japan's competitive success*. Melalui strategi ini, penambahbaikan yang berterusan akan melibatkan semua ahli dalam organisasi dan harus dilakukan oleh mereka. *Kaizen* mempunyai lima prinsip utama yang menjadi garis panduan sesebuah organisasi. Pertama, strategi *Kaizen* bergantung terhadap usaha manusia untuk mencapai keputusan yang baik. Pendekatan yang berorientasikan keputusan ialah merujuk kepada kitaran *plan-do-check-act* yang digunakan untuk kemajuan proses.

Kedua, mengutamakan kualiti iaitu memperbaiki pencapaian berdasarkan tiga dimensi utama melibatkan aspek kualiti, kos dan penyampaian kerja. Ketiga, menyelesaikan masalah secara efektif dan efisien melalui pengumpulan data dan kemudiannya dianalisa. Keempat, keseluruhan kerja dalam organisasi dilihat sebagai satu proses yang saling berkait misalnya hubungan pelajar dan kakitangan UMS. Terakhir, pengurusan visual. Keadaam ini wujud apabila sesetengah proses berada di luar kawalan dan merupakan suatu masalah yang patut diselesaikan. Ternyata model ini dapat diaplikasikan untuk manfaat tadbir urus universiti.

### **Para pelajar yang saya kasihi sekalian**

## **MELAHIRKAN PELAJAR YANG HOLISTIK DAN SEIMBANG**

30. Universiti ini wujud disebabkan permintaan masyarakat sekeliling yang ingin melihat perubahan hidup menerusi tahap pendidikan tinggi. Masa kini, dengan peredaran zaman yang semakin canggih, keperluan untuk mendapatkan pendidikan tinggi adalah satu kemestian.

Maka dengan itu, berlumba-lumbalah masyarakat kita masuk ke universiti dan bergelar sebagai pelajar. Aspek ilmu yang terdapat di universiti ini tiada batasnya selagi tidak mempersoalkan kuasa Tuhan. Selain mempelajari pelbagai aspek ilmu, secara tidak langsung didedahkan dengan kehidupan kampus yang diwarnai dengan pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh kelab-kelab fakulti, kelab-kelab di bawah naungan Hal Ehwal Pelajar atau Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) di setiap Kolej Kediaman. Ambillah peluang ini para pelajar sekalian agar betul-betul menikmati kehidupan kampus. Jangan menjadi seorang yang pasif, tidak mahu menyertai apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh universiti. Kita harus ingat bahawa selain bekal transkrip akademik yang dibawa untuk memasuki alam pekerjaan, aspek-aspek lain seperti keterlibatan dalam aktiviti universiti dapat meningkatkan tahap keyakinan diri. Cuba lihat pemimpin-pemimpin yang berjaya pada hari ini, pada zaman mereka bergelar pelajar di universiti, setiap saat tidak akan terbazir begitu sahaja dan akan diisi dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

Saya percaya bahawa proses pembelajaran itu haruslah seimbang di antara bilik kuliah dan kehidupan kampus. Menjadi seorang pelajar yang cemerlang bukan hanya diukur berapa “A” yang tercatat di dalam transkrip peperiksaan, tetapi berusaha memajukan diri dari segi kemahiran insaniah yang merangkumi 7 aspek iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan, keusahawanan, dan etika barulah boleh digelar pelajar yang benar-benar cemerlang.

31. Kecemerlangan yang dikecapi oleh para pelajar UMS selepas tamat pengajian amat membanggakan. UMS walaupun berusia 21 tahun berbanding dengan Universiti Awam yang lebih tua, mampu menghasilkan graduan yang berjaya seperti YB Datin Nor Sabrina Mohd Noor, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi Kedah, Chin Yik Lin, bekas pelajar sarjana seliaan saya yang sekarang ini menyambung pengajian PhD dalam bidang *Climate Change and Earth-Ocean-Atmosphere Systems* di University of Cambridge,

Low Ngai Yuen, seorang produser dan pengacara TV, Heliza Helmi, artis yang berjaya, Tan Sri Dr. Rahim Tamby Chik, bekas Menteri Besar Melaka dan banyak lagi. Jadikanlah mereka ini sebagai contoh yang telah berjaya dalam bidang yang diceburi. Perjalanan hidup anda masih panjang, jadi timbalah sebanyak mana pengalaman yang mungkin semasa anda masih bergelar pelajar UMS.

32. UMS melalui Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (ERDEC) telah berjaya melatih seramai 1700 pelajar dan 60 kakitangan UMS melalui 10 kursus yang ditawarkan dengan peruntukan sebanyak RM2 juta daripada *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDIA). Para pelajar boleh mengasah kemahiran keusahawaanan dengan mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh ERDEC. *Student Business Centre* (SBC) bakal ditubuhkan yang akan dikendalikan oleh Kelab Keusahawanan Fakulti/Institut.

Bagi para pelajar yang berminat untuk menjadi usahawan, Kelab ENACTUS amat bersesuaian dengan anda yang mana Pasukan ENACTUS UMS pernah mewakili Malaysia ke ENACTUS World Cup 2013 di Cancun, Mexico. Kita mahu pelajar kita aktif dalam keusahawanan, disebabkan sembilan (9) per sepuluh (10) rezeki datangnya dari berniaga. Bila pelajar kita menjadi usahawan yang berjaya, secara tidak langsung dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

**Tuan-tuan dan puan-puan, rakan-rakan seperjuangan UMS, serta para pelajar yang dicintai sekalian**

## **INISIATIF BAHARU**

**Transformasi dari K(Knowledge)-Akademik kepada E(Entrepreneurial)-Akademik**

33. Kita perlu sedar bahawa universiti-universiti awam di Malaysia pada hari ini sudah tidak boleh terlalu bergantung dengan dana daripada Kerajaan Pusat. Beban yang ditanggung oleh pihak kerajaan terlalu banyak. Keadaan menjadi lebih mencabar dengan perkembangan semasa bilamana keadaan ekonomi serantau menjadi kurang sihat.

Di negara-negara maju di dunia seperti di Eropah, Australia, Taiwan dan Jepun, universiti-universiti di negara tersebut sudah mampu berdikari dan terus bergerak maju. Sebahagian besar dana universiti berkenaan dijana sendiri oleh universiti tersebut, hanya sebahagian kecil dibantu oleh kerajaan. Lebih-lebih lagi universiti swasta tidak menerima apa-apa bantuan daripada kerajaan. Namun begitu universiti-universiti sedemikian terus unggul dalam dunia akademik dan mampu menjana pendapatan sendiri secara mapan. Sebagai warga UMS yang merupakan nadi tulang belakang operasi harian universiti yang kita sayangi ini, kita perlu memecut pantas dan mengungguli bidang-bidang seperti akuakultur dan pertanian.



Sumber alam dan potensinya yang ada perlu dikembangkan sehingga dapat dimanfaatkan sepenuhnya bukan setakat hanya sebagai bahan pengajaran kepada pelajar dan penyelidikan kepada para penyelidik, tetapi jauh lebih dari itu dikembangkan sebagai industri yang menjana pendapatan untuk kelangsungan dan kemapanan universiti.

Di samping sebagai penjana sumber kewangan, industri yang dibina menjadi platform dan makmal latihan yang bersifat *hands-on* kepada para pelajar kerana berpeluang berada di dalam ekosistem industri perniagaan yang sebenar. Lantaran itu, kita kena berkerjasama melakukan transformasi dari bentuk universiti yang berpaksi K(Knowledge)- Akademik ke bentuk universiti yang berpaksi E(Entrepreneurial)- Akademik. Dalam melaksanakan program transformasi ini, kerjasama dengan pihak industri amat diperlukan.

34. Bagi menjayakan transformasi ini, universiti harus mempunyai rakan industri yang benar-benar memahami akan falsafah E(Entrepreneurial)- Akademik ini. Lantaran itu mulai tahun 2016 ini dan pada tahun-tahun berikutnya, saya menyeru kepada semua ketua-ketua J/F/P/I/U agar mengambil inisiatif dan langkah ke hadapan untuk merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti berkerjasama dengan pihak industri. Saya akan memastikan bahawa perkara ini menjadi salah satu agenda penting dalam perancangan dan hala tuju UMS. Sesungguhnya, transformasi ini telah pun bermula di mana pada awal tahun ini bulan Januari yang lalu, buat julung kalinya kita telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Syarikat Yun Fook Resources Sdn Bhd sebuah syarikat yang berjaya dalam perusahaan pertanian dan penternakan. Perusahaan yang dijalankan oleh syarikat tersebut bukan sahaja menjana pendapatan, malah mengaplikasikan konsep mesra alam di ladang tenusu milik syarikat tersebut. Menerusi kerjasama ini, limpahan manfaat menerusi penglibatan beberapa buah fakulti yang membuka pelbagai peluang seperti tempat latihan pelajar dan ruang penyelidikan para akademia, di samping peluang pekerjaan kepada para graduan.

35. Saya berharap agar transformasi ini dapat memecah stigma bahawa institusi ini hanya bersifat akademik semata-mata, tetapi perlu bersifat industri guna yang mengaplikasi ilmu ke dalam realiti kehidupan. Maka, kesan daripada itu akan merobah cara minda masyarakat berfikir dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti kehidupan. Kita tidak mahu ilmu akademik itu hanya setakat merupakan susunan kata-kata di atas jurnal atau dipersembahkan dalam bentuk orator yang mengkagumkan pendengar. Saya melihat pendekatan konsep E(Entrepreneurial)- Akademik ini telah lama dipraktikkan oleh universiti-universiti luar Negara seperti di Jepun, Korea, Taiwan dan Amerika Syarikat. Sebagai contoh, *Stanford University* yang telah berjaya menghasilkan graduan sehingga mengasaskan syarikat berteknologi tinggi seperti Google, Hewlett-Packard, Nike, Sun Microsystems, Instagram, Snapchat, Yahoo dan pelbagai syarikat lagi menjadi teras kepada pembentukan *Silicon Valley*. Syarikat-syarikat yang diasaskan oleh para graduan daripada *Stanford University* ini telah menjana pendapatan sebanyak USD2.7 trillion setahun yang bersamaan dengan saiz ekonomi Negara Perancis.

Syarikat-syarikat berteknologi canggih yang berada di *Silicon Valley* ini akan sentiasa berkerjasama dan berkolaborasi dengan *Stanford University* samada dalam bentuk latihan industri kepada para graduan, penyelidikan, pemberian geran, dan sebagainya. Inilah yang kita cuba untuk laksanakan di universiti agar manfaat konsep ini mewujudkan situasi menang-menang kepada universiti, industri dan masyarakat. Bagi melancarkan transformasi berpaksi E(Entrepreneurial)-Akademik ini, Pusat Jaringan Industri dan Komuniti perlu mengadakan bengkel dengan melibatkan semua Dekan Fakulti dan Pengarah Institut untuk mengenal pasti kekuatan setiap fakulti/institut untuk menjayakan konsep ini secara terancang dan tersusun.

## **MENERAJU BIDANG PERTANIAN DI PERINGKAT PENDIDIKAN TINGGI**

36. Sabah dianugerahi dengan sumber alam yang luas, kawasan tanah yang subur dan menghasilkan pelbagai produk pertanian. Terkenal sebagai sebuah negeri pengeluar utama minyak kelapa sawit di Malaysia. Lantaran ini juga kita telah menubuhkan Unit Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Lestari atau singkatannya SPOR pada tahun 2013. Alhamdulillah, buat masa ini unit tersebut telah banyak menerima geran penyelidikan daripada pihak luar dan aktif melakukan penyelidikan bersama dengan pihak industri. Justeru itu, UMS sebagai sebuah universiti awam yang terletak di Negeri Sabah ini sebenarnya berada di landasan dan platform serta persekitaran yang kondusif untuk menerajui sektor pendidikan tinggi dalam bidang pertanian. Potensi UMS dalam hal ini sudah tidak dapat dinafikan lagi, baik dari segi infra mahupun kepakaran tenaga pengajarnya. Kita mempunyai sebuah kampus pertanian yang tersergam indah di Sandakan, mempunyai pelbagai kemudahan dan ladang bagi tujuan pengajaran dan penyelidikan. Buat masa ini kita dalam usaha membina sebuah stesen penyelidikan pertanian UMS di kawasan seluas 74 ekar di Keningau.

Dalam hal ini, UMS sentiasa mendapat sokongan padu daripada pihak YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Hj. Aman. Saya percaya bahawa langkah seterusnya yang perlu diambil oleh UMS untuk mengangkat bidang pertanian ke tahap yang lebih tinggi adalah menerusi kerjasama dengan pihak industri. Kita harus bijak untuk mendapat dana-dana daripada pihak industri. Salah satu caranya adalah dengan menawarkan jalan penyelesaian terhadap isu-isu yang dihadapi oleh pihak industri tersebut melalui penyelidikan yang mana diperuntukkan bagi dana-dana penyelidikan.

### **Tuan Puan warga UMS yang saya kasihi**

### **Ganjaran kepada yang cemerlang**

37. Bermula tahun ini kita akan memperkenalkan satu sistem ganjaran kepada pekerja yang cemerlang dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Penilaian adalah mengambil kira aspek-aspek kesukarelaan, komitmen, pelaksanaan tugas-tugas selain akademik, keikhlasan, kerjasama berpasukan, beban tugas, kepatuhan kepada ketua,

bertugas tanpa mengira waktu dan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh calon (calon penyumbang kepada pembangunan jabatan atau fakulti). Mereka yang berjaya akan diberi ganjaran menerusi gaji bulanan mereka tanpa diumumkan dan saya berharap ianya menjadi pendorong kepada mereka untuk bekerja lebih kuat. Sebagai permulaan, bayaran bonus melalui setiap J/F/P/I/U bagi mereka yang berjasa dan cemerlang itu dengan menggunakan tabung J/F/P/I/U yang hanya terhad kepada 3 orang setahun. Sebagai permulaannya juga, pada tahun ini Jabatan Bendahari dan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan dipilih sebagai perintis. Jawatankuasa pemilihan akan dilantik dan dianggotai di antaranya oleh Pendaftar, Bendahari, Dekan, Pengarah dan Ketua Jabatan.

**Hadirin dan hadirat yang dimuliakan**

**PENUTUP**

38. Para ahli akademik adalah segolongan manusia yang memikul tanggungjawab yang besar dalam arena pendidikan, mendidik dan menjadi *role model* terutama kepada anak-anak didiknya. Jangan sesekali ada di antara ahli akademik di universiti yang kita sayangi ini mempamerkan contoh-contoh yang negatif dan melanggar etika sebagai seorang ahli akademik. Percayalah UMS tidak akan sesekali berkrompomi dalam hal-hal sedemikian. Gunakanlah peluang yang ada sebagai pendidik untuk mencurahkan ilmu dan menabur bakti sebanyak yang mungkin. Sudah pasti, hari-hari yang dilalui dalam kehidupan anda akan lebih bermakna. Menyebar ilmu akan menjadikan pelajar berilmu. Namun orang yang berilmu belum tentu berguna kepada masyarakat kalau tindak tanduknya tidak berintegriti serta sentiasa menyusahkan orang lain, ilmu yang ada tidak diamalkan dalam kehidupan seharian. Benarlah kata-kata Imam Ghazali;

*Sesungguhnya hati manusia itu mati*

*Kecuali mereka yang berilmu*

*Sesungguhnya mereka yang berilmu itu lena*

*Kecuali mereka yang beramal*

*Sesungguhnya mereka yang beramal itu tertipu*

*Kecuali mereka yang ikhlas*



Lantaran itu para pelajar yang berilmu perlu juga dididik dengan ilmu yang diperolehi, bukan setakat untuk lulus peperiksaan sahaja. Dengan kata lain, ilmu yang ada hendaklah diamalkan dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, seorang pelajar bidang keusahawanan mempraktikkan ilmu keusahawanannya umpamanya dengan memulakan perniagaan kecil-kecilan melalui internet samada melalui media sosial atau laman *blogspot* sendiri dengan memasarkan produk-produk pertanian.

39. Sesungguhnya, dengan pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh Negara kita, sewajarnya generasi muda pada hari ini khususnya para pelajar UMS mengambil iktibar akan perjuangan generasi lama bagi memerdekakan Negara ini. Generasi muda tidak pernah merasai kesusahan hidup di awal zaman kemerdekaan Negara. Sudah pasti tidak pernah menempuh jerih payah untuk mencapai kemerdekaan dan menghasilkan sebuah Negara yang merdeka serta bebas daripada jajahan pihak luar.

Seperti juga yang saya sudah sebutkan tadi, orang berilmu tidak semestinya berguna kepada Negara kalau tidak punya rasa sayang serta menyumbang kepada pembangunan Negara. Lantaran itu UMS mahu memainkan peranan yang sangat besar dalam melahirkan manusia yang bukan sahaja berilmu tetapi mencintai Negara ini dengan sepenuh jiwa dan raga. Justeru itu, saya menyeru kepada semua tenaga akademik mengambil sedikit masa di awal kuliah masing-masing untuk menyelitkan unsur-unsur nasihat yang bersifat patriotisme agar jiwa para pelajar kita diisi dengan erti kemerdekaan yang sebenar di bumi Malaysia yang bertuah ini.

40. Saya percaya orang yang menyayangi institusi di mana mereka bekerja adalah orang yang sanggup berkorban harta, tenaga dan masa untuk melihat institusi itu berkembang dan disegani. Maka dengan itu, sayangilah universiti ini. Tidak kira sebagai kakitangan, pelajar, pekerja atau kontraktor yang mencari rezeki dalam UMS, sewajarnya kita bersama-sama memupuk sikap prihatin dalam menjaga kampus tidak kira dari aspek pengurusan sehinggalah keselamatan dalam kampus.

Kalau bukan kita, siapa lagi yang menjaganya. Mana mungkin kita mengharapkan orang daripada luar yang menolong kita untuk melakukan semua itu. Kalau dalam hal sekecil dan ruang kecil dalam kampus kita pun tidak kisah, bagaimana pula halnya yang membabitkan Negara dan tanahair yang lebih besar? Kalau sifat kebersamaan dalam hal sedemikian belum ada, bagaimana pula semangat untuk bersama-sama memajukan universiti ini ke peringkat yang lebih tinggi dalam arena akademik? Umpamanya, jika kita semua berada di dalam satu kapal, kalau ada kebocoran pada kapal tersebut, walaupun bocornya hanya kecil, namun risiko kapal itu untuk tenggelam tetap ada dan memudarat kesemua penumpang dalam kapal tersebut. Justeru jangan leka dan mengambil enteng terhadap apa yang berlaku di persekitaran kita.

41. Oleh yang demikian, kita harus hindari budaya ini daripada merebak di kalangan kita iaitu ‘ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua’. Hanya dengan kita bersatu menuju matlamat dan wawasan yang sama, barulah universiti ini bergerak dan melangkah maju ke hadapan.

Sebelum mengakhiri amanat saya pada pagi ini, ingin saya tegaskan bahawa rasuah perlu dijauhi, perlu dihindari, dan perlu dipupuskan buat selama-lamanya. Jika kita terjebak dengan rasuah, tinggi mana jawatan kita sekalipun, kita akan memusnahkan imej Universiti yang kita sayangi ini. Memang benar berkerja sebagai penjawat awam yang makan gaji tiap-tiap bulan tidak akan menjadi kita seorang yang kaya, tapi maruah, harga diri dan prinsip perlu ditegakkan atas dasar pegangan agama kita yang utuh yang menyantuni asas integriti kehidupan kita. Janganlah gelapkan mata anda dengan wang ringgit sahaja, janganlah juga hanya mengejar kekayaan semata-mata, apa yang paling penting keikhlasan kita berkerja dengan penuh integriti akan mendatangkan kekayaan yang kekal abadi bukan dengan wang ringgit tetapi kesihatan yang baik, kebahagiaan dalam rumah tangga, ketenangan jiwa dan rezeki yang melimpah ruah dalam pelbagai bentuk. Oleh yang demikian, jauhi rasuah, bebas rasuah dan zero rasuah.

Akhir kata, saya mendoakan agar kita sentiasa diberikan kekuatan dan kesihatan yang baik untuk menjunjung amanah yang dipikul, menjinjing tugas dengan komitmen yang bersatu. Sesungguhnya, sebaik-baik perancangan, Allah SWT jua yang menentukannya. Maka saya akhiri amanat saya dengan firman Allah SWT;

*“Boleh jadi kamu tidak menyenangi sesuatu, padahal itu baik bagimu,  
dan boleh jadi pula kamu menyukai sesuatu, padahal itu tidak baik bagimu.  
Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui”*

*Surah Al-Baqarah: Ayat 216*